



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)


**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (M.13-14 EB.15)
(SPEECH AND LANGUAGE THERAPY)
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 05 FEBRUARI 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 19 FEBRUARI 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/JAN/04/KKS**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.




**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (*SPEECH AND LANGUAGE THERAPY*)
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TUJUH BELAS (17)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Speech and Language Therapy / Speech and Language Pathology* atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh lembaga-lembaga Profesional kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan lembaga-lembaga profesional kesihatan jika diperlukan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengambil peranan sebagai pegawai klinikal (*clinical*) dalam bidang pemulihan pertuturan dan menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis (*clinical diagnosis*) masalah yang memerlukan rawatan kaedah pemulihan pertuturan dan percakapan;
2. Membuat preskripsi kaedah rawatan yang efektif dan berdasarkan *Evidence Based Practice* di dalam pemulihan atau rehabilitasi pertuturan, percakapan, penelitian dan sebagainya mengikut kemahiran masing-masing;
3. Membantu dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai atasan di dalam menjalankan tugas-tugas harian termasuk klinikal dan mengikut arahan yang diberikan dari semasa ke semasa;
4. Membantu menjalankan kajian-kajian klinikal serta penyelidikan tertentu di dalam pengurusan permasalahan klinikal yang berkaitan dengan pemulihan pertuturan supaya dapat mempertingkatkan rawatan dan mempiawaikan kaedah rawatan pemulihan pertuturan bila perlu;
5. Menyediakan dan menghadapkan laporan bulanan dan statistik kepada Ketua Perkhidmatan Pemulihan Pertuturan; dan



6. Menyumbangkan dalam penyediaan rancangan, anggaran dan keperluan belanjawan tahunan untuk Perkhidmatan Pemulihan Pertuturan.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Emel : recruitment.ahp@moh.gov.bn

No.Tel : 2383020